

Soalan Lazim – UiTMSeat^{Plus}

1. Apakah itu program UiTMSeat^{Plus}?

- Program UiTMSeat^{Plus} merupakan program sepenuh masa UiTM dan ianya laluan komersial yang disediakan kepada calon untuk meneruskan pengajian ke peringkat Diploma dan Sarjana Muda di Universiti Teknologi MARA (UiTM).

2. Bolehkah pemohon Bukan Warganegara atau Penduduk Tetap untuk memohon kemasukan ke UiTM?

- **TIDAK BOLEH.** Permohonan kemasukan ke UiTM terbuka kepada warganegara Malaysia dan berstatus Bumiputera Sahaja. Berikut adalah takrifan berkenaan taraf bumiputera

Negeri	Takrifan Bumiputera
Semenanjung	Jika salah seorang ibu ATAU bapa calon adalah seorang Melayu yang beragama Islam / Orang Asli seperti mana yang ditakrifkan dalam Perkara 160 (2) Perlembagaan Persekutuan; maka anaknya adalah dianggap seorang Bumiputera
Sabah	Jika bapa calon adalah seorang Melayu yang beragama Islam / Peribumi Sabah seperti mana yang ditakrifkan dalam Perkara 161 A (6) (b) Perlembagaan Persekutuan; maka anaknya adalah dianggap seorang Bumiputera
Sarawak	Jika bapa DAN ibu calon adalah seorang Peribumi Sarawak seperti mana yang ditakrifkan dalam Perkara 161 A (6) (a) Perlembagaan Persekutuan; maka anaknya adalah dianggap seorang Bumiputera

3. Bilakah pengambilan pelajar akan dilakukan?

- Sesi pengambilan pelajar dilakukan dua kali (2x) setahun bagi Program UiTMSeat^{Plus} iaitu bulan Mac dan September/Oktober.

4. Adakah saya perlu membeli nombor pin BSN?

- **TIDAK PERLU.** Pemohon hanya perlu membuat bayaran wang proses sebanyak RM50 sebagai caj pemprosesan permohonan.

5. Apakah syarat kemasukan Program UiTMSeat^{Plus}?

- Syarat kemasukan setiap program adalah tertakluk kepada Syarat Am Universiti dan Syarat Khas Program yang ditetapkan oleh Fakulti. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang iCEPS dan klik link berikut untuk program UiTMSeat^{Plus} (<https://iceps.uitm.edu.my/index.php/program-uitm-seat-plus>).

6. Adakah Program UiTMSeat^{Plus} ini diiktiraf oleh badan professional dan MQA?

- **YA.** Program-program UiTMSeat^{Plus} yang dijalankan diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan badan-badan professional berkenaan.

7. Adakah saya dibenarkan mengemaskini maklumat permohonan selepas tarikh tutup permohonan kemasukan ke UiTM?

- **TIDAK BOLEH.**

8. Bilakah surat tawaran akan dikeluarkan?

- Secara amnya, surat tawaran akan dikeluarkan sebulan lebih awal dari tarikh pendaftaran. **Surat tawaran hanya dikeluarkan untuk pemohon yang BERJAYA sahaja.**

9. Dimanakan semakan keputusan UiTMSeat^{Plus} boleh disemak?

- Semakan keputusan boleh disemak melalui pautan berikut <https://iis-iceps.uitm.edu.my/uitmSeatplus>

10. Adakah saya dibenarkan menukar program pengajian yang telah ditawarkan?

- **TIDAK BOLEH.**

11. Berapakah kadar yuran pengajian bagi Program UiTMSeat^{Plus}?

- Pemohon boleh membuat semakan kadar yuran pengajian melalui surat tawaran yang diperolehi dan pautan untuk semakan kadar yuran pengajian adalah seperti berikut (<https://iceps.uitm.edu.my/index.php/program-uitm-seat-plus>)

12. Berapa lamakah tempoh pengajian bagi Program UiTMSeat^{Plus}?

- Tempoh pengajian sepenuh masa bergantung kepada pelan pengajian yang telah ditetapkan oleh fakulti

13. Adakah calon boleh membuat permohonan pembiayaan pinjaman daripada PTPTN?

- **BOLEH** mengikut terma dan syarat. Untuk maklumat lanjut, calon diminta untuk melayari laman sesawang berikut (<https://www.ptptn.gov.my/myptptn/>).

14. Adakah pelajar laluan Program UiTMSeat^{Plus} layak mendapat Kolej Kediaman?

- **LAYAK** mengikut kadar yang ditetapkan oleh pihak kolej.

15. Apakah program-program yang ditawarkan di bawah UiTM Seat^{Plus}?

- Program UiTMSeat^{Plus} hanya menawarkan beberapa program seperti di bawah:

PENGAMBILAN SESI MAC		
KOD PROGRAM	NAMA PROGRAM	KAMPUS
DIPLOMA		
AM110	Diploma Pentadbiran Awam	Seremban 3
CDCS110	Diploma Sains Komputer	Arau
SARJANA MUDA		
AC220	Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian)	Puncak Alam
AM238	Sarjana Muda Sains Pentadbiran (Kepujian)	Seremban 3
BA262	Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Perniagaan (Kepujian)	Puncak Alam
BA272	Sarjana Muda Perniagaan Kewangan (Kepujian)	Puncak Alam
BA273	Sarjana Muda Perniagaan Pengurusan Sumber Manusia (Kepujian)	Puncak Alam
CDCS230	Sarjana Muda Sains Komputer (Kepujian)	Shah Alam
*LW224	Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian)	Shah Alam

*Program bertemuduga

PENGAMBILAN SESI SEPTEMBER / OKTOBER		
KOD PROGRAM	NAMA PROGRAM	KAMPUS
DIPLOMA		
AM110	Diploma Pentadbiran Awam	Seremban 3
CDCS110	Diploma Sains Komputer	Arau
SARJANA MUDA		
AC220	Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian)	Puncak Alam
AM238	Sarjana Muda Sains Pentadbiran (Kepujian)	Seremban 3
BA262	Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Perniagaan (Kepujian)	Puncak Alam
BA272	Sarjana Muda Perniagaan Kewangan (Kepujian)	Puncak Alam
BA273	Sarjana Muda Perniagaan Pengurusan Sumber Manusia (Kepujian)	Puncak Alam
CDCS230	Sarjana Muda Sains Komputer (Kepujian)	Shah Alam
HS241	Sarjana Muda Teknologi Makmal Perubatan (Kepujian)	Puncak Alam
HS243	Sarjana Muda Kesihatan dan Keselamatan Persekitaran (Kepujian)	Puncak Alam
HS244	Sarjana Muda Fisioterapi (Kepujian)	Puncak Alam
HS245	Sarjana Muda Pemulihan Cara Kerja (Kepujian)	Puncak Alam
HS257	Sarjana Muda Dietetik (Kepujian)	Puncak Alam
HS260	Sarjana Muda Kejururawatan (Kepujian)	Puncak Alam
HS262	Sarjana Muda Pengimejan Perubatan (Kepujian)	Puncak Alam
HS266	Sarjana Muda Optometri (Kepujian)	Puncak Alam
*LW224	Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian)	Shah Alam
*MBBS240	Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan	Sungai Buloh
*PH240	Sarjana Muda Farmasi	Puncak Alam


**Program bertemuduga*

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi nombor yang tertera di bawah:

 [www.wassap.my/60355444954/UiTMSeat^{Plus}](https://www.wassap.my/60355444954/UiTMSeatPlus)

 [www.wassap.my/60355444934/UiTMSeat^{Plus}](https://www.wassap.my/60355444934/UiTMSeatPlus)

 [www.wassap.my/60108655673/UiTMSeat^{Plus}](https://www.wassap.my/60108655673/UiTMSeatPlus)

 03-5544 4954 / 4934 / 4919 / 4976

atau emel ke

 seatplus@uitm.edu.my